

KENYATAAN MEDIA

NRECC ANJUR MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK JEREBU DAN CUACA KERING KEBANGSAAN BIL. 1 TAHUN 2023 : NEGARA BERSIAP SIAGA HADAPI KEMUNGKINAN BERLAKUNYA EL NINO

Hari ini saya telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan Bil. 1 Tahun 2023 di Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Mesyuarat ini diadakan bagi melaporkan status terkini keadaan cuaca, kualiti udara, merancang tindakan dan strategi bagi mencegah pembakaran terbuka serta jerebu setempat, di samping mengatur persediaan menghadapi kemungkinan berlakunya insiden jerebu merentas sempadan.

Jabatan Meteorologi Malaysia memaklumkan bahawa negara kini berada dalam fasa Monsun Barat Daya (MBD) yang bermula sejak 15 Mei dan dijangka berterusan sehingga September 2023. Sepanjang MBD, negara akan mengalami kekurangan taburan hujan, peningkatan suhu dan cuaca yang lebih panas serta kering. MBD 2023 dijangka lebih kering berbanding MBD tahun 2020 hingga 2022.

Pada masa ini, keadaan *El Niño-Southern Oscillation* (ENSO) adalah neutral dan keadaan El Niño dijangka berlaku pada separuh tahun kedua 2023 dengan kebarangkalian 82%. Berdasarkan situasi cuaca ini, jerebu tempatan dan jerebu merentas sempadan boleh berlaku sekiranya kebakaran terbuka tidak dikawal.

Berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar (JAS), bilangan kes pembakaran terbuka bagi tempoh 1 Januari hingga 25 Mei 2023 ialah 1,845 kes. Baru-baru ini, terdapat 5 kes kebakaran berskala besar melibatkan hutan tanah gambut, tapak pelupusan sampah dan tapak pelupusan sampah haram yang menyebabkan jerebu tempatan.

Pada masa ini, 3 kes kebakaran telah berjaya dipadamkan sepenuhnya dan semua jabatan, agensi dan Kerajaan Negeri terlibat telah diminta untuk mempertingkatkan tindakan pencegahan pembakaran untuk mengelak kejadian seumpama berulang.

Bagi tempoh 1 Januari hingga 25 Mei 2023, JAS telah mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan 236 arahan lapangan / amaran (*field citation*), 45 kompaun, 68 notis arahan dan 1 tindakan mahkamah ke atas kesalahan melakukan pembakaran terbuka.

NRECC dengan kerjasama kementerian, jabatan dan agensi berkaitan serta Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan serius bagi membanteras isu kebakaran di tapak pelupusan sampah haram dan menambah baik tindakan pencegahan kebakaran hutan dan belukar tanah gambut yang menjejaskan kualiti udara serta menyebabkan jerebu tempatan.

Kerajaan akan memperkemas strategi dan mengukuhkan kerjasama dua hala dengan negara jiran dan hubungan pelbagai hala di peringkat rantau ASEAN dalam menghadapi Monsun Barat Daya dan El Niño ini.

Saya akan mengetuai Delegasi Malaysia untuk menghadiri mesyuarat di peringkat Menteri Alam Sekitar ASEAN iaitu Mesyuarat Ke-24 *Sub-Regional Ministerial Steering Committee* (MSC) dan mesyuarat peringkat pegawai iaitu Mesyuarat *Technical Working Group* (TWG) mengenai Jerebu Merentas Sempadan pada 7 dan 8 Jun 2023 di Singapura bagi membincangkan tentang persediaan Negara MSC menghadapi cuaca panas dan kering serta kemungkinan El Niño ini.

Kerajaan sentiasa bersedia bagi menghadapi keadaan cuaca panas dan kering dengan mempertingkatkan usaha-usaha pencegahan aktiviti pembakaran terbuka yang boleh menyebabkan jerebu tempatan dan menjejaskan kualiti udara serta kesihatan awam.

Semua pihak diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka, membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau diceroboh oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka, sama ada untuk tujuan tertentu atau secara tidak sengaja.

Tindakan tegas akan diambil kepada pihak yang tidak bertanggungjawab menyebabkan pembakaran terbuka termasuk pemilik tanah. Jika disabit kesalahan di bawah Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, pesalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2,000 juga boleh dikenakan bagi setiap kesalahan.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
26 MEI 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia

Maklumat Tambahan :

1. Jawatankuasa Induk Jerebu Kebangsaan telah ditubuhkan sejak tahun 1997 dan dipengerusikan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi urusan alam sekitar. Selaras dengan arahan Jemaah Menteri pada 25 Mac 2016, jawatankuasa ini telah dikenali sebagai Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan dan NRECC merupakan sekretariat kepada jawatankuasa ini.

2. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap tahun dan bertanggung jawab untuk melaporkan status cuaca panas dan kering serta situasi jerebu yang melanda negara. Jawatankuasa ini dianggotai oleh kementerian, jabatan dan agensi berkaitan serta Kerajaan Negeri yang berkait rapat dengan pengurusan insiden jerebu termasuk:

- (i) Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA);
- (ii) Kementerian Luar Negeri;
- (iii) Kementerian Kesihatan;
- (iv) Kementerian Pendidikan;
- (v) Kementerian Perladangan dan Komoditi;
- (vi) Jabatan Alam Sekitar;
- (vii) Jabatan Meteorologi Malaysia;
- (viii) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
- (ix) Polis Diraja Malaysia;
- (x) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
- (xi) Agensi Angkasa Malaysia;
- (xii) Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia;
- (xiii) Jabatan Mineral dan Geosains;
- (xiv) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia;
- (xv) Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak;
- (xvi) Jabatan Perhutanan Negeri Sabah;
- (xvii) Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak; dan
- (xviii) Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah.

3. Kerajaan sentiasa bersedia bagi menghadapi keadaan cuaca panas dan kering dengan mempertingkatkan usaha-usaha pencegahan ke atas aktiviti pembakaran terbuka yang berpotensi menyebabkan berlakunya jerebu tempatan. Antara tindakan yang diambil adalah:

- (i) mengaktifkan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan (PTPTK) sejak 2 April 2023 kepada semua kementerian, jabatan dan agensi berkaitan serta Kerajaan Negeri;
- (ii) mengaktifkan Prosedur Tetap Operasi (SOP) Pencegahan Pembakaran Terbuka dan SOP Pencegahan Kebakaran Tanah Gambut pada 29 Mac 2023 kepada JAS Negeri dan agensi pelaksana;
- (iii) mempertingkatkan rondaan darat dan pemantauan menggunakan dron di kawasan yang telah dikenal pasti mudah terbakar;
- (iv) memantau status kualiti udara dan titik panas secara berterusan;
- (v) mempertingkatkan kempen-kempen kesedaran (*Communication, Education and Public Awareness, CEPA*) dan penyertaan komuniti khususnya melalui media massa dan sosial bagi mengingatkan orang ramai untuk tidak melakukan pembakaran terbuka; dan
- (vi) melaksanakan Program Pencegahan Kebakaran dan Pengurusan Tanah Gambut Sering Terbakar secara berterusan melalui pembinaan infrastruktur utama. Sehingga kini, sebanyak 305 buah *check dam*, 101 buah *tube well*, 15 buah kolam takungan, 6 buah menara tinjau, 3.3 km saluran paip air dan 82 piezometer telah dibina / diperolehi di bawah program ini.